



prihatin

BERITA SPANCO

sentiasa bersama mu

10

ELAKKAN
KEMALANGAN,
TINGKATKAN
KESEDARAN



06


**JABATAN KAWALAN
SENGGARAAN DAN
TEKNIKAL SPANCO,
SEDIA BERKHIDMAT
UNTUK ANDA!**

14

**EVOLUSI TEKNOLOGI :
SISTEM ABS, EBD &
TCS MENINGKATKAN
KESELAMATAN
PEMANDUAN**

18

**MENJELAJAH
KEINDAHAN
ALAM FAUNA DI
BUKIT BENDERA**






04



07



13



21



18

prihatin

sentiasa bersama mu

jilid 3 | Jul - Sept 2013
MENARIK KELUARAN INI

PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Peter Lim

Shaheeran Jalalludin

Ezdan Zaim Zaidan

Rusman Bassri

PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

No. 2, Jalan Perusahaan 2

Kawasan Perusahaan Batu Caves

68100 Batu Caves.

Tel 03-6192 8888

Faks 03-6192 8999

emel prihatin@spanco.com.my

web www.spanco.com.my

Talian bebas tol 1-800-88-6999

PENCETAK

Miracle Offset Print Sdn Bhd

No. 15, Jalan PBS 14/3

Taman Perindustrian

Bukit Serdang

43300 Seri Kembangan.

Tel 03-8941 4013

Faks 03-8941 4014

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

SEKILAS MINDA

03 Terus Memacu Kejayaan,
Menjejak Reputasi

KATA MEREKA

04 Ideanya Hebat,
Perancangannya Berkesan!

SERVIS ITU PENTING!

06 Jabatan Kawalan
Senggaraan Dan Teknikal
SPANCO, Sedia Berkhidmat
Untuk Anda!

YANG PERLU ANDA TAHU

10 Elakkan Kemalangan,
Tingkatkan Kesedaran

12 Kecuaian Boleh
Mengundang Maut!

PERSADA INOVASI

14 Evolusi Teknologi: Sistem
ABS, EBD & TCS Meningkatkan
Keselamatan Pemanduan

MERAKAM CATATAN

16 Minal Aidin Wal Faizin
bersama Anak-Anak Yatim

17 Majlis Penghantaran
Kenderaan Polis Diraja Malaysia
di Sabah

17 Penghantaran Kenderaan
PDRM di Sarawak

17 Majlis Iftar Bersama
Pegawai-Pegawai
Markas Tentera

LIBUR DESTINASI

18 Menjelajah Keindahan
Alam Fauna di Bukit Bendera

BICARA SIHAT

20 Kesihatan Telinga: Jangan
Ambil Leka

PILIHAN SERVIS ANDA

22 Penang & Perak

23 Pelantikan Baru

Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.



TERUS MEMACU KEJAYAAN, MENJEJAK REPUTASI

DIAM tak diam, kita telah melepasi penghujung pertengahan 2013. Satu tahun kewangan yang sangat rancak dan kompetitif. Peningkatan inklusif dalam pembekalan kenderaan nyata melonjakkan lagi semangat integrasi warga SPANCO bagi mencapai matlamat untuk kekal sebagai pengurus kenderaan 'fleet' terulung di Malaysia. Malah, pelbagai perencanaan bagi meningkatkan kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan SPANCO telah pun dilaksanakan dengan adanya sokongan dari pelbagai kementerian dan jabatan Kerajaan.

Antaranya, penggantian kenderaan Proton Waja kepada Preve dan Proton Perdana kepada Inspira, komunikasi secara online dan Persidangan Pegawai Kenderaan Kerajaan Persekutuan Siri Pertama Zon Tengah telah berjalan lancar dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Malah, kami turut merancang untuk meningkatkan lagi audit Pusat Servis Diiktiraf (PSD) secara inklusif dalam masa terdekat bagi mempertingkatkan lagi kepuasan pelanggan yang berkunjung ke PSD.

Dalam pada itu, kami amat memandang serius terhadap peningkatan kos pembaikan akibat kemalangan dan kadar kehilangan penggunaan kenderaan serta kematian yang semakin bertambah. Beberapa perancangan sedang dilakukan secara efektif dan menyeluruh bagi menangani permasalahan ini. Justeru, kami memohon kerjasama pelanggan untuk sentiasa berwaspada selain dapat memainkan peranan masing-masing dalam menjaga serta memantau penggunaan kenderaan mereka.

Sememangnya kami amat berharap agar aspirasi hubungan antara pelanggan dan SPANCO akan terus berjalan dengan lebih baik lagi dan suntikan inisiatif dari perancangan yang diatur dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh kedua-dua belah pihak.

NG WAI THONG
Pengawal Kewangan

MALAH, PELBAGAI PERENCANAAN BAGI MENINGKATKAN KEPUASAN PELANGGAN TERHADAP PERKHIDMATAN SPANCO TELAH PUN DILAKSANAKAN DENGAN ADANYA SOKONGAN DARI PELBAGAI KEMENTERIAN DAN JABATAN KERAJAAN.



YBHG TAN SRI MAHMOOD BIN ADAM IDEANYA HEBAT, PERANCANGANNYA BERKESAN!

PENGALAMAN selama 37 tahun berkhidmat di sektor awam dan memegang 12 jawatan menjadikan beliau seorang yang begitu kaya ilmu dan amat disegani di kalangan pekerja dan teman-teman.

YBhg Tan Sri Mahmood bin Adam, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia sentiasa percaya kepada pimpinan ketua yang baik dan kerja berpasukan amat penting bagi membentuk satu organisasi yang utuh. Malah, beliau juga berpegang kepada prinsip sentiasa bersedia dalam semua segi dan membuat sesuatu kerja dengan betul dari mula lagi dalam setiap tugas yang dilakukan. "Seperti pepatah orang Negeri Sembilan - belum dipanggil sudah datang, belum disuruh sudah pergi, belum diminta sudah siap," ujarnya yang juga pernah memegang jawatan sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri hampir tiga tahun.

Semasa berkhidmat di Bahagian

Kabinet, Jabatan Perdana Menteri, YBhg Tan Sri Mahmood juga terlibat bersama-sama membincang dan menyokong penswastan fleet Kerajaan Malaysia sehingga terlantiknya SPANCO sebagai penyelia fleet kenderaan.

"Pada saya SPANCO adalah satu keputusan dan transformasi yang bijak. Dengan adanya SPANCO, sektor awam tidak lagi dibebani dengan masalah pemilikan dan pengurusan fleet kenderaan. Selama 37 tahun berkhidmat di pelbagai jabatan antaranya Imigresen, Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pertahanan, pelbagai masalah terpaksa dilalui apabila jabatan atau agensi menguruskan fleet mereka sendiri," jelas anak kelahiran Pontian, Johor ini.

"Masalah utama adalah menukar kereta yang berusia lebih 10 tahun. Dengan adanya SPANCO, masalah fleet kenderaan yang berusia dan rosak dapat diatasi dengan segera. Kereta-kereta jabatan dan agensi pula ditukar dengan yang baru setiap empat hingga lima

PADA SAYA SPANCO ADALAH SATU KEPUTUSAN DAN TRANSFORMASI YANG BIJAK. DENGAN ADANYA SPANCO, SEKTOR AWAM TIDAK LAGI DIBEKANI DENGAN MASALAH PEMILIKAN DAN PENGURUSAN FLEET KENDERAAN. SELAMA 37 TAHUN BERKHIDMAT DI PELBAGAI JABATAN ANTARANYA IMIGRESEN, PERKHIDMATAN AWAM DAN KEMENTERIAN PERTAHANAN, PELBAGAI MASALAH TERPAKSA DILALUI APABILA JABATAN ATAU AGENSI MENGURUSKAN FLEET MEREKA SENDIRI.



Tegas dan bernas mengeluarkan idea tetapi cukup mesra bila berbicara.

tahun. Servis dan pembaikan kerosakan juga dilakukan oleh SPANCO dan ia diuruskan dengan begitu profesional sekali," sambung bapa kepada sepasang cahaya mata ini lagi.

Malah beliau merasakan perkhidmatan yang diberi SPANCO setaraf dengan pengurusan kenderaan mewah premium yang begitu profesional dan memenuhi kehendak pelanggan. Bermula dari kemudahan, layanan dan perkhidmatan servis serta pembaikan segalanya dilakukan dengan begitu cemerlang sekali. Justeru beliau amat yakin bahawa keputusan penyerahan pengurusan fleet kepada SPANCO merupakan salah satu keputusan terbaik yang pernah dibuat oleh Kerajaan.

Sebagai pegawai terawal menggunakan khidmat SPANCO dan juga pernah secara langsung menguruskan fleet semasa bertugas di Kementerian Luar Negeri pada 1996, YBhg Tan Sri Mahmood amat berpuas hati dengan pengurusan dan kemudahan yang diberi SPANCO.

"Perkhidmatannya memang bagus, cepat dan profesional. Sejak awal lagi semasa di Segambut, SPANCO telah menyediakan kemudahan terbaik seperti ruang menunggu yang selesa, khidmat nasihat, kemudahan kereta ganti dan pengambilan serta penghantaran kereta yang efisien. Semasa menguruskan fleet kenderaan waktu itu saya bertugas di Kementerian Luar Negeri, SPANCO banyak membantu. Begitu juga semasa di Kementerian

Pertahanan, saya tiada masalah langsung dengan kereta-kereta yang dibekalkan SPANCO berbanding dengan lebih 1,000 buah kenderaan lain yang bukan di bawah SPANCO, di mana saya sentiasa berdepan dengan pelbagai masalah," ujar suami kepada Puan Sri Nabihah binti Haji Hassan ini.

"Saya pernah hantar kereta ke pusat servis yang bukan di bawah panel SPANCO yang kebetulan ketika itu tidak terdapat di Pontian. Saya hanya berikan resit kepada SPANCO dan wang saya dikembalikan. Bagi saya, ini adalah yang terbaik kerana SPANCO percaya kepada kami sebagai pelanggan. Malah, pegawai kanan saya di Kementerian Luar Negeri dulu pernah terlibat dalam satu kemalangan di Johor. SPANCO dengan segera telah menyediakan kereta ganti untuk beliau. Jadi begitulah perkhidmatan SPANCO amat memudahkan kami

sebagai anggota pentadbiran Kerajaan," teranginya lagi.

Bagi YBhg Tan Sri Mahmood sepanjang perkhidmatannya di sektor awam, tugas di Kementerian Dalam Negeri adalah yang amat mencabar dirinya. Hampir setiap hari beliau terpaksa mempengerusikan 30 mesyuarat yang dibawa sehingga ke malam. Namun beliau amat berterima kasih terhadap rakan sepasukan yang banyak membantu. Begitu juga perkhidmatan SPANCO yang profesional telah memudahkan dirinya menjalani tugas setiap hari.

Bila ditanya tentang perancangan masa hadapannya, YBhg Tan Sri Mahmood tersenyum sambil berkata, "Insya'Allah, kalau ada duit dan tanah, saya ingin membina sebuah sekolah pondok moden untuk para pesara mendalami ilmu agama. Di situ juga mereka boleh menyumbangkan buah fikiran dengan pengalaman yang ada untuk membantu menyelesaikan masalah negara bersama," akhirnya yang akan bersara pada pertengahan tahun 2015.

YBhg Tan Sri Mahmood, bukan hanya dihormati malah sentiasa disenangi oleh sesiapa sahaja.





JABATAN KAWALAN SENGGARAAN DAN TEKNIKAL SPANCO, SEDIA BERKHIDMAT UNTUK ANDA!

JABATAN Kawalan Senggaraan dan Teknikal merupakan antara jabatan paling penting di SPANCO yang menjadi pemacu kepada kejayaan Pengurusan 'Fleet' Profesional terulung di Malaysia. Ditubuhkan pada 1994, ia dianggotai oleh 15 orang kakitangan pakar yang diketuai oleh Pengurus Kawalan Senggaraan dan Teknikal iaitu Tuan Haji Azahari Md Lazim.

Bertepatan objektif untuk memberikan khidmat berkualiti lagi berkesan dalam

Servis dan Pembaikan kenderaan, Jabatan ini memantau perkhidmatan yang diberikan oleh setiap Pusat Servis Diiktiraf (PSD) supaya berada dalam keadaan terbaik. Sekali gus memastikan kerja-kerja servis dan pembaikan dilaksanakan mengikut tanda aras SPANCO serta spesifikasi pengeluar kenderaan.

Dengan itu, kehendak dan kepuasan pelanggan dapat dipenuhi sepenuhnya sejajar dengan perjanjian tahap servis,

BERTEPATAN OBJEKTIF
UNTUK MEMBERIKAN
KHIDMAT BERKUALITI
LAGI BERKESAN DALAM
SERVIS DAN PEMBAIKAN
KENDERAAN, JABATAN INI
MEMANTAU PERKHIDMATAN
YANG DIBERIKAN OLEH
SETIAP PUSAT SERVIS
DIIKTIRAF (PSD) SUPAYA
BERADA DALAM KEADAAN
TERBAIK.



Berbincang dan mengemaskinikan status servis dan pembaikan serta kes-kes yang perlu diselesaikan merupakan rutin harian pasukan Jabatan Kawalan Senggaraan dan Teknikal.

Gambar atas, kiri ke kanan: Mohamad Kassim Mohamad Puzi, Mohd Farhan Noh, Ahmad Firdaus Md Daud, Mohd Zaid Ilias, Hafiz Md Isa, Abdul Rahman Mohamad Nawar, Nor Azhan Haji Abdul, Haji Azahari Md Lazim, Hebat Azali Mat Jalid, Abdel Aziz Sahrim, Mohamad Ishak Shukor, Mohd Suhairi Abdul Manan, Ikmal Hussein Mohd Shariff, Mohamad Arif Bayamin dan Mazdi Jafar.

• Penyenggaraan & Pencucian

- Dilakukan sepenuhnya oleh SPANCO di Pusat Servis Wilayah (PSW) atau Pusat Servis Diiktiraf (PSD).
- Pastikan Baucar Servis ditandatangani setelah berpuas hati dengan kerja yang dilaksanakan.
- Pastikan kereta dihantar ke PSW dan PSD mengikut jadual dengan membawa Buku Servis untuk dikemas kini.
- Lakukan tempahan awal untuk menjimatkan masa anda.
- SPANCO akan menyediakan kereta ganti sekiranya kerja penyenggaraan terhadap kereta rasmi memerlukan lebih dari 24 jam.
- SPANCO akan menanggung kos pencucian bagi setiap servis berjadual di PSW dan PSD.



Eksekutif Kawalan Senggaraan merujuk Sistem Pengurusan 'Fleet' atau FMS yang menyediakan maklumat tepat lagi terperinci mengenai kereta yang menghadapi masalah.

mempunyai liputan pusat servis yang meluas (kini terdapat lebih 200 buah di seluruh Malaysia), capaian yang mudah, di samping servis ramah, mesra lagi efisien.

menyelesaikan tugas yang diberi tepat pada masanya.

Tugas utama pasukan ini adalah untuk menilai kualiti kerja PSD, memastikan kenderaan disenggara dengan baik mengikut kelulusan pembaikan serta bertanggungjawab memberikan laporan prestasi fleet dan prestasi PSD kepada pihak Pengurusan.

Malah ia turut bertindak proaktif terhadap mana-mana bahagian servis yang memerlukan pembaharuan dengan memberi cadangan kepada pihak Pengurusan setiap bulan.

Unit Kawalan Senggaraan & Teknikal pula diterajui oleh En. Hebat Azali Mat Jalid - Penolong Pengurus, yang bertanggungjawab terhadap operasi harian unit yang meliputi Pusat Panggilan 24 jam, Kelulusan Senggaraan & Pembaikan serta Pengurusan Kenderaan Kemalangan.

FUNGSI JABATAN

Terdapat 2 sub-unit di bawah Jabatan Kawalan Senggaraan dan Teknikal iaitu **Unit Audit Fleet & Pusat Servis Diiktiraf** dan **Unit Kawalan Senggaraan & Teknikal**.

Unit Audit Fleet & Pusat Servis Diiktiraf diterajui En. Nor Azhan Haji Abdul - Penolong Pengurus, yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kualiti penyenggaraan di Pusat Servis Diiktiraf (PSD). Beliau menguruskan Pasukan Audit Fleet SPANCO dan memastikan kualiti pasukan dapat menumpu dan

• Menghadapi Kerosakan

Jika berlaku kerosakan, hubungi talian bebas tol

SPANCO

1-800-88-6999

atau PSD berhampiran.

Jika kerosakan di Lebuhraya Utara Selatan PLUS, hubungi talian

PLUSRONDA

1-800-88-0000

untuk bantuan.

Tunggu sehingga bantuan tiba.

Jika kenderaan perlu ditunda, pastikan penundaan dilakukan hanya oleh penunda yang dilantik oleh SPANCO ke PSD terdekat atau balai polis.

SPANCO akan berusaha menghantar wakil ke lokasi kenderaan untuk menunda kenderaan ke PSD.



Unit ini menilai ketulenan 'job request' pelanggan dan PSD sebelum mengeluarkan 'Kod Kelulusan' dalam tempoh 15 minit sebagaimana yang ditetapkan dalam tanda aras. Ia juga memastikan PSD menjalankan servis dan pembaikan mengikut spesifikasi pengeluaran dan standard prosedur operasi SPANCO.

Unit ini juga bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua panggilan yang diterima di Pusat Panggilan selain memastikan pelanggan menerima servis 24 jam yang mesra dan efisien serta menyelesaikan masalah teknikal pelanggan dalam masa yang singkat.

Malah, mereka turut berperanan memastikan status kenderaan dikemas kini ke dalam sistem maklumat komputer dan mengaturkan bantuan kepada semua peringkat pelanggan dengan segera sekiranya terdapat sebarang kerosakan.

Pusat Panggilan yang dikendalikan unit ini bertindak memastikan semua kerja senggaraan dan pembaikan disempurnakan dalam masa yang dijanjikan serta memaklumkan kepada pelanggan sekiranya terdapat sebarang kelewatan sekurang-kurangnya 2 jam lebih awal.

Di samping itu, **Unit Kawalan Senggaraan & Teknikal** turut bertanggungjawab terhadap kenderaan yang terlibat dalam


kemalangan dan menguruskan tuntutan mengikut tanda aras SPANCO dan spesifikasi pengeluaran. Selain memastikan kenderaan dibaiki dalam tempoh yang dipersetujui, ia juga akan menyediakan dan menghantar Laporan Ringkasan Kenderaan Kemalangan kepada Pengurus Kawalan Senggaraan dan Teknikal.

Kakitangan pasukan ini turut bertanggungjawab mengawasi kerja-kerja pembaikan kemalangan termasuk menguruskan permohonan kelulusan dari Jabatan Teknikal di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sekiranya kerosakan membabitkan casis kenderaan. Selain itu, mereka akan memastikan kenderaan kemalangan

PETUNJUK PRESTASI UTAMA

1.	Nisbah Kenderaan Yang Tidak Boleh Digunakan Dalam Satu-Satu Masa atau VOR	<200 kereta setiap bulan
2.	Jumlah Kenderaan Yang Dikembalikan atau Comeback Jobs	<6 kereta setiap bulan (untuk PSW)
3.	Tempoh Kerja Disiapkan	
	a. Servis Berjadual (dalam 24 jam)	100%
	b. Rombak Rawat (dalam 21 hari mengikut kalendar)	95%
	c. Pembaikan Kemalangan Kecil (dalam 18 hari mengikut kalendar)	95%
	d. Pembaikan Kemalangan Besar (dalam 30 hari mengikut kalendar)	95%
4.	Tempoh Yang Diambil Terhadap Panggilan Kerosakan Untuk Seluruh Negara (dalam 45 minit)	95%
5.	Jumlah Pelaksanaan Audit Terhadap Pusat Servis Yang Diiktiraf (PSD)	201 pusat servis setahun
6.	Jumlah Pelaksanaan Audit Terhadap Kenderaan	2,400 kereta setahun
7.	Bilangan Kes Yang Dikendalikan oleh Pusat Panggilan	25 kes setiap hari seorang

CARTA PENGURUSAN JABATAN KAWALAN SENGGARAAN DAN TEKNIKAL



yang telah dibaiki dihantar ke PUSPAKOM atau JPJ untuk pemeriksaan jika perlu.

INFRASTRUKTUR

Untuk memastikan pelanggan berpuas hati dengan bantuan dan servis yang diberikan, Jabatan Kawalan Senggaraan dan Teknikal menyediakan Pusat Panggilan yang beroperasi 24/7 dan disokong oleh rangkaian khidmat trak tunda yang terdapat di seluruh negara.

Turut menyokong ialah Sistem Pengurusan 'Fleet' atau FMS iaitu sistem teknologi maklumat yang menggabungkan pelbagai modul perkhidmatan pengurusan fleet yang berintegrasi sepenuhnya.

KAKITANGAN

Dibarisi kakitangan yang dilatih sepenuhnya dengan pengetahuan teknikal dan teknologi automotif terkini adalah sebab SPANCO mengungguli

industri pengurusan 'fleet' di Malaysia. Malah, kakitangan juga dipersiapkan dengan latihan mengenai produk dan teknologi dari masa ke semasa selain dilengkapi dengan skil pengurusan pelanggan dan komputer.

Bagi memudahkan pelanggan, talian bebas tol **1-800-88-6999** yang dikendalikan Pusat Panggilan beroperasi 24 jam setiap hari, termasuk hujung minggu dan cuti umum.

• Menghadapi Kemalangan

Jika berlaku kemalangan, hubungi talian bebas tol SPANCO **1-800-88-6999** secepat mungkin dan kemukakan butir-butir seperti nama, no. daftar kereta, no. telefon, lokasi dan masalah kereta.

ANDA DINASIHATKAN UNTUK:

- Bertukar maklumat dengan pihak terlibat seperti: nama, alamat, butir kereta dan nama syarikat insurans.
- Mencatat nama dan alamat saksi/anggota polis dan balai polis.
- Mencatat waktu, tarikh, lokasi, keadaan cuaca dan jalan raya.
- Jangan sekali-kali membuat pengakuan liabiliti.
- Tunggu bantuan daripada wakil SPANCO.
- Jika perlu ditunda, kereta hanya ditunda ke PSD terdekat atau balai polis berhampiran.
- Laporan polis perlu dibuat dalam tempoh 24 jam dan butir-butir hendaklah selaras dengan hal kerosakan kenderaan.

KEMUKAKAN DOKUMEN BERIKUT DENGAN SEGERA KEPADA SPANCO:

- Borang Notis Tuntutan Kemalangan/Kecurian yang dikeluarkan oleh SPANCO (diuruskan oleh Pegawai Perhubungan Kenderaan Jabatan).
- Satu salinan laporan polis yang disahkan.
- Salinan kad pengenalan pemandu.
- Salinan lesen memandu.
- Jika kereta tidak boleh dibaiki (constructive total lost) dan setelah mendapat pengesahan daripada syarikat insurans, kenderaan akan ditamatkan pajakan dan permohonan gantian akan dilakukan.
- Semua kemalangan hendaklah dilaporkan kepada SPANCO dan polis. Pengguna mungkin dipertanggungjawabkan ke atas semua kos kemalangan yang tidak dilaporkan.



JANGAN SEKALI-KALI:

- Membuat pengakuan liabiliti.
- Membuat kenyataan kepada pihak ketiga kecuali polis.
- Menandatangani sebarang dokumen selain laporan polis.
- membenarkan kereta ditunda oleh syarikat lain selain yang diiktiraf SPANCO.
- Menyelesaikan kes sendirian tanpa penglibatan SPANCO.
- Membaiki sendiri kereta tersebut.

ELAKKAN KEMALANGAN, TINGKATKAN KESEDARAN




PENINGKATAN kadar kemalangan dan kecurian amatlah membimbangkan. Berikutan kes dan kadar kemalangan yang semakin bertambah, syarikat insurans telah mengambil langkah mengenakan syarat-syarat tertentu seperti caj 'loading' yang tinggi dan meningkatkan lebihan (excess) kepada RM5,000.

SPANCO turut melakukan pelbagai usaha kesedaran bagi mengurangkan kes peningkatan ini. Antaranya dengan mengadakan Persidangan Pegawai Kenderaan Kerajaan Persekutuan yang dianjurkan awal tahun ini.

TAHUKAH ANDA?

Kemalangan jalan raya telah dikenal pasti sebagai pembunuh utama di negara kita.

PURATA KOS KEROSAKAN BAGI SETIAP KES KEMALANGAN 2003 -2013



Hasil darinya, dilihat kes kemalangan dan kecurian telah berkurangan.

Persidangan Pegawai Kenderaan seterusnya dijadualkan akan diadakan pada suku ketiga 2013 melibatkan pegawai-pegawai dari PDRM dan KEMANTAN. SPANCO berharap inisiatif ini akan mampu mengurangkan lagi jumlah kes dan kos kemalangan.



membabitkan kerosakan ke atas harta pihak ketiga dan harta sendiri.

TAHUKAH ANDA?


Dalam kes kecurian kereta dan aksesori, pelanggan perlulah:

- menghubungi SPANCO di talian bebas tol **1-800-88-6999** secepat mungkin, dan
- membuat laporan polis dalam masa 24 jam.

- **PURATA KOS** bagi kes yang dituntut melalui insurans adalah RM13,430 bagi tujuh bulan pertama 2013 (setakat Julai) berbanding RM10,930, RM10,350 dan RM14,610 bagi keseluruhan 2010, 2011 dan 2012.
- Setakat 15 Julai, **1,494 KEMALANGAN** dilaporkan dengan kerugian sebanyak RM5.2 juta.
- Kebanyakan **KOS KEMALANGAN**

- Setakat Julai 2013, **9 KES KECURIAN** dilaporkan dengan jumlah tuntutan insurans sebanyak RM450 ribu.
- Kebanyakan kes membabitkan model Proton Perdana yang mungkin disebabkan **PERMINTAAN ALAT GANTINYA** yang sangat tinggi. Justeru, pegawai-pegawai yang menggunakan Perdana diminta supaya lebih berhati-hati tentang keselamatan kereta itu.

JUMLAH KES DAN KOS UNTUK JENIS-JENIS TUNTUTAN SETAKAT JULAI 2013



KECUAIAAN BOLEH MENGUNDANG MAUT!

PERATUS PENINGKATAN KEMALANGAN JALAN RAYA SETIAP HARI AMATLAH MEMBIMBANGKAN. KECUAIAAN, SIKAP PEMANDU YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN JALAN RAYA, MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI, TIDAK SABAR MERUPAKAN PUNCA UTAMA YANG BUKAN SAHAJA MEMBERI PADAH KEPADA DIRI SENDIRI TETAPI JUGA KEPADA PENGGUNA JALAN RAYA LAIN SEKALI GUS BOLEH MENGUNDANG MAUT.

Mengikut perangkaan, sebanyak 1.2 juta orang terbunuh dan 50 juta cedera di jalan raya setiap tahun. Menurut Persatuan Kesihatan Sedunia (WHO), lima punca utama yang menyebabkan kemalangan adalah **memandu dengan laju, mabuk, tidak memakai topi dan tali pinggang keledar serta tali pinggang keselamatan kanak-kanak**. Memandu pada **jarak yang terlalu dekat** dan suka **memotong barisan** juga adalah antara penyumbang terbesar kemalangan jalan raya.

Menurut Pengarah Pusat Penyelidikan Perubahan Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Profesor Madya Dr.

★ ★ ★
**“TERDAPAT 19
KEMATIAN DISEBABKAN
KEMALANGAN JALAN RAYA
SETIAP HARI DI MALAYSIA.
SEBANYAK 80 PERATUS KEMALANGAN
DISEBABKAN OLEH SIKAP PEMANDU
SEMASA MEMANDU.”**

PROF. MADYA DR. MOHD FAUDZI MOHD YUSOFF
*Pengarah Pusat Penyelidikan Perubahan
Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya
Institut Penyelidikan Keselamatan
Jalan Raya Malaysia (MIROS)*

★ ★ ★

Mohd Faudzi Mohd Yusoff, kebanyakan pemandu sering bersikap **tergopoh-gapah**, agresif dan cuai ketika memandu. Malah, **menggunakan telefon bimbit**, mencari arah menggunakan alat GPS dan menukar siaran radio juga boleh menyebabkan kemalangan sekiranya pemandu tidak berhati-hati dengan jarak kenderaan di hadapan.

Beliau turut menyela sikap sesetengah pemandu yang tidak mematuhi peraturan jalan raya seperti **berhenti di garisan kuning, menggunakan lorong kecemasan, memotong di sebelah kiri** atau di garis berkembar, **tidak memberi lampu isyarat** apabila menukar lorong, menggunakan lampu tinggi dan **melanggar lampu merah**.



1 KETAHUI KENDERAAN ANDA – Pastikan bampar hadapan kereta berada pada jarak selamat. Sentiasa periksa cermin sisi dan angin tayar tidak kurang atau berlebihan. Biasakan diri dengan prestasi kereta anda.

2 SENGGAARAAN – Sentiasa servis kenderaan mengikut jadual. Periksa tayar, penunjuk, lampu, penggilap cermin, brek, transmisi, stereng, minyak enjin, paras air dan sistem lain pada kereta anda.

3 KEADAAN JALAN RAYA – Sentiasa berwaspada dengan situasi di jalan raya seperti keadaan trafik dan hujan.



Kemalangan boleh dielakkan jika anda sentiasa **berhati-hati dan mematuhi peraturan jalan raya**. Jadilah pemandu yang berhemah.

4 JANGAN MEMANDU DALAM KEADAAN MABUK – Minta pertolongan teman untuk memandu atau gunakan teksi sekiranya anda berada pada paras alkohol yang tinggi.

5 PEKA PADA KEADAAN SEKELILING – Fokus hanya pada jalan raya dan keadaan sekeliling. Jangan gunakan telefon bimbit semasa memandu.

6 GUNAKAN ISYARAT LAMPU DENGAN BETUL – Berikan isyarat lampu lebih awal sekiranya anda ingin membelok atau menukar lorong.

7 PERLAHANKAN KENDERAAN – Jangan memecut atau memandu terlalu laju. Patuhi had kelajuan jalan raya.

8 TITIK BUTA – Berhati-hati dengan 'blind spot' iaitu di belakang dan tepi kereta semasa pemanduan terutama semasa jalan sesak.

9 JANGAN MEMANDU TERLALU DEKAT – Pastikan anda sentiasa berada pada jarak selamat sekurang-kurangnya dua saat dari kereta di hadapan.

10 PATUHI PERATURAN – Jangan abaikan peraturan jalan raya. Patuhi had laju, lampu isyarat dan peraturan lain. Jangan pentingkan diri sendiri. Sayangi nyawa anda dan orang tersayang.

AWAS 10 PEMANDUAN BERBAHAYA!

Menggunakan telefon bimbit

Bermain-main dengan alat GPS atau radio

Berhenti di garisan kuning

Meremehkan lorong kecemasan

Memotong di garisan berkembar

Memotong barisan

Tidak memberi isyarat

Melanggar lampu merah

Menyalahgunakan lampu tinggi

Kerap bertukar lorong


EVOLUSI TEKNOLOGI

SISTEM ABS, EBD & TCS MENINGKATKAN KESELAMATAN PEMANDUAN



SISTEM keselamatan kenderaan hari ini berkembang pesat dengan inovasi berteknologi tinggi yang dapat membantu pemandu mengelakkan kemalangan dan melakukan pemanduan dengan lebih cekap. Sistem kawalan brek dan cengkaman adalah salah satu ciri-ciri keselamatan paling penting pada kenderaan yang dapat mengoptimumkan cengkaman dan kestabilan kereta semasa pecutan.

Antara sistem brek canggih yang terdapat pada kereta masa kini.




Sistem Brek Cegah Kunci atau ABS merupakan sistem keselamatan kenderaan yang membolehkan tayar mengekalkan cengkaman pada permukaan jalan sekali gus mengelakkan kereta daripada tergelincir dengan mencegah roda daripada terkunci semasa membrek terutamanya apabila brek ditekan kuat secara mengejut.

Kini, ABS telah pun berevolusi dengan meluas. Ia turut mengawal kecenderungan kuasa membrek secara elektronik yang mana turut bergantung kepada keupayaan spesifik dan implementasinya yang juga dikenali sebagai Pengagihan Daya Brek Elektronik (EBD), Sistem Kawalan Cengkaman (TCS) dan Kawalan Kestabilan Elektronik (ESC).

Pengagihan Daya Brek Elektronik atau EBD diperkenalkan sebagai subsistem kepada sistem ABS. Merupakan teknologi brek kereta yang mempelbagaikan jumlah daya yang dikenakan kepada setiap brek kenderaan secara automatik berpanduan kepada keadaan jalan, kelajuan, beban dan sebagainya.

Sering digandingkan dengan Sistem Brek Cegah Kunci (ABS), EBD boleh mengenakan lebih atau kurang



tekanan membrek kepada setiap roda untuk memaksimumkan kuasa memberhentikan kenderaan sambil mengekalkan kawalannya.


EBD boleh bekerja bersama-sama ABS dan Kawalan Kestabilan Elektronik atau ESC untuk meminimumkan pecutan olengan semasa membelok. ESC membandingkan sudut stereng kepada kadar belokan kenderaan menggunakan pengesan kadar olengan yang mana olengan bermaksud putaran kenderaan mengelilingi titik graviti menegak (berpusing ke kiri atau kanan).

Jika pengesan olengan mengesan kurang olengan daripada sudut stereng bermakna kereta itu terbabas keluar manakala lebih olengan pula bermakna kereta 'membuang'. Maka, ESC akan mengaktifkan satu daripada brek hadapan atau belakang untuk memutar kereta kembali ke laluan asal.

Sebagai contoh; Jika kereta membelok ke kiri dan mula terbabas keluar (kereta terlajak ke hadapan ke bahagian luar belokan) ESC mengaktifkan brek kiri belakang yang membantu kereta membelok ke kiri. Alat pengesannya begitu sensitif dan pelaksanaannya begitu pantas sehinggakan sistem mampu memperbetulkan arah belokan sebelum pemandu bertindak.

Sistem Kawalan Cengkaman atau TCS, juga dikenali sebagai Kawalan Cegah Gelinciran (ASR) ialah fungsi sekunder (tetapi tidak wajib) bagi ABS, direka bagi mencegah kehilangan cengkaman pada roda yang dipacu terutamanya semasa pecutan.

TCS memastikan roda tidak berputar




apabila kenderaan berhenti atau semasa memecut. Ianya dapat dicapai dengan:

- Mengurangkan tekanan penggalak yang dibekalkan oleh enjin.
- Jika perlu, membrek tayar secara individu bagi mengawal secepat

mungkin putaran roda pada tahap yang sepatutnya agar kereta dapat mengekalkan cengkaman maksimum.

Ringkasnya, TCS membantu mengelakkan sebarang kehilangan geseran antara tayar dan permukaan jalan semasa pecutan.



Perbandingan roda yang tidak dilengkapi Sistem Kawalan Cengkaman (TCS) dan yang dilengkapi TCS.

MINAL AIDIN WAL FAIZIN BERSAMA ANAK-ANAK YATIM



Dari kiri: Ketua Pegawai Operasi, Azman Idris, Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Hamzah Mohd Salleh, serta Pengarah-Pengarah Eksekutif, Eddie Tan dan Peter Lim.



Pasukan Jabatan Kewangan SPANCO di gerai juadah mereka, bersedia meraikan tetamu.



Pengerusi SPANCO, Mej. Jen. (B) Dato' Osman Zain dan Dato' Hamzah bergambar bersama anak-anak yatim Rumah Siraman Kasih.



Dari kiri: Dato' Osman bersama Dato' Hamzah dan Eddie Tan.



Pasukan Woksyop Batu Caves SPANCO di gerai juadah mereka.



Dato' Hamzah bersama Eddie Tan.



Rakan-rakan dari Pasukan Operasi SPANCO di gerai juadah mereka.

MAJLIS PENGHANTARAN KENDERAAN POLIS DIRAJA MALAYSIA DI SABAH



Pegawai Polis DiRaja Malaysia kontinjen Sabah memeriksa Proton Preve 1.6 baru.



Pengurus Perkhidmatan Pengurusan Pelanggan, Shaheeran Jalalludin memeriksa Proton Preve 1.6 terbaru bersama YDH Dato' Pahlawan Hj. Hamza Taib, Pesuruhjaya Polis Sabah.



Shaheeran bersama YDH Dato' Pahlawan Hj. Hamza Taib, Pesuruhjaya Polis Sabah.



Dari kiri: Eksekutif Akaun, Mohd Affendy Abu Kassaim bersama pegawai PDRM kontinjen Sabah memeriksa Proton Preve 1.6 terbaru.

PENGHANTARAN KENDERAAN PDRM DI SARAWAK



Kereta Proton Preve dibersihkan sebelum diserahkan kepada PDRM.



Mendengar taklimat yang disampaikan oleh pasukan SPANCO.



Bahagian Pengangkutan PRDM, Kontinjen Sarawak.

MAJLIS IFTAR BERSAMA PEGAWAI-PEGAWAI MARKAS TENTERA



Markas Tentera Darat: Dato' Hamzah Mohd Salleh, YBhg Brigadier Jeneral Hj. Abd Khalid Hamzah dan Azman Idris.



Markas Tentera Laut: Shaheeran Jalalludin, Laksamana Muda Dato' Mohd Noh Lebai Mahat dan Suhaيمي Hashim.



Markas Tentera Udara: Mohd Affendy Abu Kassaim dan Norazmi Abd Sani bersama Lt. Kol. Khairul Anuar Hj. Othman.

MENJELAJAH KEINDAHAN ALAM FAUNA DI BUKIT BENDERA

BERKUNJUNG KE PULAU PINANG, TIDAK SAH RASANYA JIKA TIDAK SINGGAH KE BUKIT BENDERA ATAU *PENANG HILL*. TERLETAK DI AIR ITAM, 6KM DARI BANDAR GEORGE TOWN, BUKIT BENDERA BERKETINGGIAN 823 METER ATAU 2,750 KAKI DARI ARAS LAUT. DI SINILAH TERLETAKNYA STESEN KERETA API PERTAMA DI KAWASAN BUKIT YANG TELAH BEROPERASI SEJAK TAHUN 1922 LAGI.



Perjalanan menyeronokkan menaiki kereta api moden.

Bukit Bendera merupakan 'resort' bukit tertua dan yang pertama di Malaysia yang mempunyai sejarahnya tersendiri. Nama asalnya Flagstaff Hill bersempena bendera yang dikibarkan dari tiang bendera di Bel Retiro (rumah Gabenor Pulau Pinang pada masa itu) telah digunakan sebagai pemancar isyarat.

Puncak Bukit Bendera mempunyai suhu dingin dan panorama fauna yang sangat mengasyikkan dengan suhu purata antara 21 hingga 27 darjah Celsius. Cuacanya bertambah sejuk menjelang petang dan turun selepas senja. Jadi, pastikan anda membawa baju tebal terutama untuk anak-anak. Bukit Bendera juga digelar Bukit Strawberry (*Strawberry Hill*) kerana ia juga merupakan pengeluaran strawberi

berikutan dengan landskap muka bumi dan suhu dinginnya yang sesuai bagi penanaman buah strawberi.

Jika dahulu, '*Cable Car*' digunakan bagi perjalanan menaiki Bukit Bendera tetapi kini, pengunjung dan pelancong lebih selesa dengan menaiki kereta api moden yang memakan masa hanya 20 minit untuk naik ke puncak bukit dengan kapasiti 1,000 penumpang sekali perjalanan mengikut jadual.

Dari puncak, pemandangan menakjubkan dapat dilihat ke seluruh pulau juga ke tanah besar di seberang laut. Sekitarnya ditaburi hutan dan taman yang indah, memukau serta menenangkan setiap mata memandang.



Bukit Bendera juga terkenal sebagai pengeluar strawberi di Malaysia.

Manakala di puncaknya terdapat pondok tradisional, restoran dan hotel penginapan, masjid, kuil serta gereja. Terdapat juga pertunjukan ular di mana anda boleh bergambar bersama ular sawa. Jika berjalan kaki, anda boleh melalui Taman Botanical Air Terjun untuk sampai ke puncak.

The *Cliff Café* adalah kafe yang menggantikan bangunan 'food court' di Bukit Bendera. Menempatkan sebanyak 25 buah gerai yang menjual pelbagai jenis makanan dan minuman tempatan serta cenderahati kepada pengunjung. Anda boleh juga berkunjung ke *David Brown*, restoran bercirikan kolonial British yang menyediakan pelbagai juadah ala barat.

Bagi peminat hidupan karnivor, *Monkey Cup* adalah tempat paling sesuai untuk merehatkan minda

menikmati keindahan alam semula jadi sambil mempelajari sifat pelbagai tumbuhan karnivor dari serata dunia.

Jadi, apa kata anda terokai keindahan Bukit Bendera di hujung minggu ini bersama keluarga. Pastinya ia merupakan destinasi menarik untuk anda seisi keluarga!

Bergambar bersama ular.



Pemandangan indah dari puncak Bukit Bendera.



MUZIUM BURUNG HANTU

Antara tarikan lain di sini adalah muzium burung hantu atau **Owl Museum** yang mana terdapat lebih 1,000 artifak kraf unik yang dikumpul dari 20 buah negara di seluruh dunia. Ia merupakan muzium pertama yang dikhususkan kepada seni dan kraf bertemakan burung hantu di Asia Tenggara.



KESIHATAN TELINGA JANGAN AMBIL LEKA

KEMALANGAN jalan raya telah dikenal pasti sebagai pembunuh utama di negara kita. Pelbagai punca menjadi penyebab kepada bencana ini, salah satu darinya adalah faktor pendengaran. Kebanyakan dari kita beranggapan, memandu hanya mementingkan penggunaan mata. Ianya kurang tepat.

Pendengaran yang baik juga sama penting semasa memandu terutama apabila mata lebih fokus kepada jalan. Apabila berada di 'blind spot', telinga menjadi deria pertama yang berwaspada terhadap sebarang bahaya. Ia akan mendengar bunyi, mengenal pasti dan menilai untuk tindakan selanjutnya.

Pemandu mestilah mampu mengesan dan bertindak balas dengan segera apabila mendengar:

- Bunyi hon kenderaan lain atau siren.
- Kelainan pada bunyi enjin, tayar dan bahagian dalaman serta luaran kenderaan semasa memandu.
- Bunyi dari alat atau butang amaran di dalam kenderaan.



- Bunyi persekitaran ketika sedang memandu.

Faktor usia antara penyebab pendengaran seseorang itu menjadi kurang peka terhadap bunyi dan amat berbahaya kepada pengguna jalan raya yang lain. Sebuah pusat penjagaan telinga swasta iaitu Bay Audio Malaysia telah menguji seramai 4,000 orang pada 2012 dan mendapati satu pertiga yang menjalani ujian pendengaran selama lima minit menghadapi masalah kehilangan pendengaran dari tahap sederhana kepada teruk. Kebanyakan mereka berusia 55 tahun ke atas tetapi terdapat juga remaja semuda 14 tahun mempunyai masalah awal pendengaran (sumber dari The Star, 20 Mei 2012).

AWASI TANDA-TANDA BERIKUT

Sering menguatkan bunyi radio dan televisyen untuk mendengarnya.

Sukar memahami atau perlu beri lebih tumpuan apabila bersembang.


Sukar menangkap butir kuliah atau ceramah.

Sesetengah bunyi kedengaran kelim atau tidak jelas.

Tidak perasan bunyi hon kenderaan lain.

Ini mungkin petanda awal terhadap kecacatan deria kekal iaitu pekak. Justeru lakukan pemeriksaan atau dapatkan rawatan selanjutnya.

Anatomi telinga: organ telinga mengesan bunyi dan berperanan dalam keseimbangan dan kedudukan tubuh.



TIGA JENIS MASALAH PENDENGARAN

Jenis Konduktif

Terjadi apabila terdapat masalah atau jangkitan pada telinga luar dan telinga tengah. Contoh ialah kecacatan fizikal, sumbatan tahi telinga atau jangkitan kuman pada salur telinga atau telinga tengah dan gegendang telinga bocor/pecah.

Masalah konduktif boleh dirawat secara pengambilan ubat atau pembedahan.

Jenis Sensorineural (Saraf)

Berlaku apabila terdapat masalah atau jangkitan pada telinga dalam, di mana koklea dan saraf pendengaran berada. Ia tidak dapat dilihat secara zahir tetapi hanya dapat dikenal pasti melalui pemeriksaan pendengaran secara menyeluruh.

Anda dinasihatkan untuk berjumpa doktor pakar untuk menjalani pemeriksaan.

Jenis Masalah Pendengaran Campuran

Terjadi apabila masalah pendengaran konduktif dan sensorineural hadir serentak. Contohnya, seseorang yang mengalami masalah saraf pendengaran juga mempunyai mampatan tahi telinga dikategorikan sebagai menghadapi masalah pendengaran campuran.

Apa jua masalah yang berlaku di telinga luar atau tengah berserta masalah di telinga dalam disebut sebagai masalah pendengaran campuran.

Elakkan mendengar radio terlalu kuat semasa memandu kerana ia mengganggu pendengaran untuk mendengar bunyi lain sepanjang pemanduan. Begitu juga dengan penggunaan telefon semasa memandu yang boleh menjejaskan tumpuan pemanduan anda.

8 Tip Mudah Menjaga Pendengaran

- 1 Jangan **mendengar muzik terlalu kuat** secara berterusan lebih dari dua jam.
- 2 **Bersihkan telinga** dengan kain menggunakan jari kelingking. Bersihkan bahagian luar telinga tetapi jangan masukkan apa-apa ke dalam liang telinga seperti kudup kapas. Ini boleh merosakkan liang telinga dan mungkin akan menolak tahi telinga terus ke gegendang telinga.
- 3 Elak dari sebarang **pukulan kuat** pada kepala. Ini termasuklah bersukan lasak seperti tinju.
- 4 Elak dari berada di **tempat-tempat bising** seperti tapak pembinaan, lapangan terbang, pertunjukan mercun dan bunga api atau apa sahaja bunyi kuat yang terlampau.
- 5 Jika anda bekerja di tempat pencemaran bunyi yang berisiko tinggi **pastikan anda berehat** 1-2 jam sebelum kembali bertugas. Ini dapat menenangkan telinga dari tekanan yang keterlaluan.
- 6 Gunakan **alat pelindung telinga** apabila berada di tempat yang bising.
- 7 **Periksa ubat anda.** Kesilapan dari pengambilan yang melebihi sukatan boleh memberi kesan terhadap deria pendengaran.



- 8 **Berjumpalah doktor** sekurang-kurangnya dua kali setahun untuk pemeriksaan telinga.

Simbol



Cawangan Proton Edar;
atau Wakil Servis Sah
Proton Edar



Khidmat
Tunda



Pembaikan
Kemalangan



Mekanikal



Bateri



Tayar



Hawa
Dingin



Tayar &
Bateri

PENANG - TOP ZONE AUTO PARTS & SERVICES SDN BHD



**WAKIL SERVIS SAH
PROTON EDAR
TOP ZONE AUTO PARTS &
SERVICES SDN BHD**



33,35 & 37 MUKIM 1
JALAN KELISA EMAS 1, SEBERANG JAYA
13700, SEBERANG JAYA
T: 04-399 3080 / 012-429 0989
F: 04-397 2080

JURUTEKNIK: 4 ORANG
PETAK SERVIS: 5
HOIST: 4

PERAK - WARISAN URUSNIAGA SDN BHD



**WARISAN URUSNIAGA
SDN BHD**



NO 43 JALAN LUMUT
TAMAN LUMUT INDAH
32200 LUMUT
TEL: 05-683 2166
FAKS: 05-683 3060

JURUTEKNIK: 5 ORANG
PETAK SERVIS: 4
HOIST: 3

PERAK - YTS AUTO SERVICE SDN BHD



**WAKIL SERVIS SAH
PROTON EDAR
YTS AUTO SERVICE SDN BHD**



LOT 33261 BATU 17
JALAN BRUAS, 32400 AYER TAWAR
TEL: 05-672 2001 / 019-513 2001
FAKS: 05-672 8001

JURUTEKNIK: 5 ORANG
PETAK SERVIS: 5
HOIST: 4

*Sila layari www.spanco.com.my untuk senarai lengkap Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.

PELANTIKAN BARU - AKN SERVICE CENTRE SDN BHD



WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR AKN SERVICE CENTRE SDN BHD



NO. 2181, MAIN ROAD
SEBERANG PERAI SELATAN
14300 NIBONG TEBAL
TEL: 04-593 0759
FAKS: 04-593 7271

JURUTEKNIK: 4 ORANG
PETAK SERVIS: 5
HOIST: 5

PELANTIKAN BARU - PROTON EDAR SDN BHD

PROTON EDAR SDN BHD



LOT 790, MUKIM PENGKALAN AOR
JALAN SIMPANG, 34000 TAIPING,
PERAK DARUL RIDZUAN
T: 05-847 2446 / 7317
F: 05-847 0899

JURUTEKNIK: 5 ORANG
PETAK SERVIS: 10
HOIST: 5





Ada sebabnya kendaraan dilengkapi cermin dan lampu isyarat kereta.



**Gunakan Cermin. Beri Isyarat Barulah Bergerak.
Anda Mampu Mengubahnya.**